

Semangat Saling Menghormati Membuatkan UMNO Terus Kukuh – Zahid Hamidi
Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister | zahidhamidi.com
September 2, 2016
By Admin

Pemimpin dan ahli UMNO akar umbi perlu memiliki kesalingan menghormati bagi membuatkan UMNO terus kukuh dan mempertahankan parti selain istiqamah menegak perjuangan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, mahukan semua ahli UMNO menyuntik semangat dan kekuatan burung helang yang mempunyai kegagahan serta daya tahan yang tinggi dalam mempertahankan parti termasuk ketika berdepan dengan ujian.

“Helang hidup dalam dua fasa iaitu fasa pertama sehingga umur 40 tahun di mana ia (helang) hidup dengan gagah sebelum tercabut paruh, bulu dan akan mati jika tidak memiliki daya tahan”.

“Tetapi selepas fasa kedua apabila paruh baru tumbuh, bulu baru tumbuh, kepak makin kembang dan kaki menjadi baru maka helang boleh terbang jauh, kuat serta bersemangat”.

Oleh itu kita kena ambil dan suntik semangat helang dalam UMNO, “Walaupun berdepan ujian, manakala pemimpin datang dan pergi, kita kena istiqamah dan terus bertapak dengan yang bawah membantu pemimpin di atas dan yang di atas mendokong di bawah.

“Ini yang dipanggil kesalingan.” katanya ketika merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Langkawi di Pusat Konvensyen Antarabangsa Langkawi (LICC), di sini

Zahid Hamidi berkata, itulah ibarat UMNO, 69 tahun sudah berlalu sudah ada ujian yang Tuhan turunkan, namun memerlukan daya tahan untuk meneruskan kesinambungan parti.

Walau bagaimanapun saya bersyukur kerana Langkawi adalah kubu kuat UMNO dan Barisan Nasional (BN), kerana orang Langkawi mempunyai daya tahan yang kuat.

“Kepemimpinan lama sayangkan yang baru dan orang baru hormat yang lama malah walaupun tidak pegang jawatan tetap sayang kepada UMNO serta taat setia.

Zahid Hamidi yang juga Naib Presiden UMNO berkata, semangat kesalingan ini semakin penting semasa UMNO ditimpa ujian getgir untuk membuktikan keupayaannya untuk mengekalkan keyakinan rakyat.

Zahid Hamidi berkata, usia UMNO hampir mencecah usia 70 tahun pada tahun depan, namun sudah banyak pengalaman apabila pemimpin-pemimpinnya menghadapi pelbagai dugaan yang menguji keupayaan mereka untuk terus menerajui parti dan memimpin rakyat.

Dalam pada itu, Zahid Hamidi akan mengambil langkah penyelesaian yang telah dijanjikan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang ketika itu juga bekas Menteri Pelajaran untuk membina tiga buah sekolah di Langkawi, selain itu permohonan untuk sebuah lagi balai bomba yang akan dibina di Padang Matsirat akan dipercepatkan.

Menurut Zahid Hamidi, kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan terus memberi perhatian kepada masalah-masalah yang dihadapi di Langkawi yang sudah dirancang untuk menjadi destinasi pelancong utama negara.

“Saya memberi komitmen bahawa Langkawi akan tetap menjadi keutamaan khususnya dalam sektor pelancongan dan pembangunan-pembangunan lain.”

Blog at WordPress.com. Follow ZAHID HAMIDI - Deputy Prime Minister of Malaysia

Source: <https://zahidhamidi.com/2016/09/02/semangat-saling-menghormati-membuatkan-umno-terus-kukuh-zahid-hamidi/>